

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 10/2026

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2026

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa kakitangan yang layak menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2026 dipelawa untuk mendaftar bagi menduduki peperiksaan tersebut.


Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Kakitangan yang disyaratkan untuk **LULUS** Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah seperti yang terkandung dalam Surat Lantikan / Skim Perkhidmatan sebelum ditetapkan dalam jawatan masing-masing.
- 1.2 Kakitangan yang mengulang semula kertas peperiksaan yang gagal.

2. JADUAL PEPERIKSAAN

TARIKH	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT
18 Oktober 2026 (Ahad)	Aturan Pejabat (AP)	8.00 – 9.00 pagi	Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong
	Pengetahuan Am (PA)	9.30 – 10.30 pagi	
	Surat Menyurat (SM)	11.00 – 12.30 t/hari	Sekolah Rendah Pulaie, Berakas



3. TARIKH PERMOHONAN

TARIKH PERMOHONAN	
DIBUKA	DITUTUP
30 Jun 2026 Selasa	18 Julai 2026 Sabtu

4. TATACARA PERMOHONAN


- 4.1 Permohonan dan pencalonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing. (Sila rujuk **Lampiran A**)
- 4.2 Pencalonan adalah **bagi kakitangan yang memohon untuk menduduki peperiksaan sahaja**. Bagi kakitangan yang memohon dan diluluskan untuk menduduki peperiksaan, hendaklah memastikan kehadiran semasa peperiksaan.
- 4.3 ***Department HRD Administrator*** di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end SSM* mengenai permohonan yang telah dihadapkan iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. ***Department HRD Administrator*** seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

5. PENGECEUALIAN

- 5.1 Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Perdagangan Brunei (sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH**) dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**. (***Salinan sijil hendaklah dihadapkan melalui e-mel kepada exam.hrsu@psd.gov.bn***).

6. HAL-HAL LAIN

- 6.1 Pemohon dikehendaki untuk menghadapkan surat atau e-mel tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ketua Jabatan masing-masing sekiranya tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan dengan alasan yang munasabah:
 - 6.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;



- 6.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 6.2 Bagi pemohon yang tidak hadir disebabkan masalah kesihatan, hendaklah menghadapkan sijil cuti sakit dari rumah sakit/pusat kesihatan Kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 6.3 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. **Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.**

7. KETERANGAN LANJUT

- 7.1 Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus melalui talian telefon atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ لِيَتَوَفَّقَ

"Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara"
"Sungai Bersih, Hidup Indah"


[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/5 Pt.7

Tarikh : 13 Muharram 1448 / 29 Jun 2026

Muka surat 3/3

CARTA ALIRAN TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN



N